05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# KESAN BIMBINGAN KELOMPOK TERHADAP KECERDASAN EMOSI DALAM KALANGAN PELAJAR SALAH LAKU DISIPLIN

SARIMAH BINTI ARIFIN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BIMBINGAN DAN KAUNSELING)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2017

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kesan bimbingan kelompok terhadap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar salah laku disiplin. Kajian eksperimen praujian dan posujian kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan digunakan. Sejumlah 45 orang pelajar tingkatan empat daripada sebuah sekolah menengah di dalam daerah Kuala Terengganu, Terengganu yang dipilih secara persampelan rawak bertujuan. Berdasarkan data Soal Selidik Kecerdasan Emosi, pelajar dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan yang dianggotai oleh 30 orang dan 15 orang di dalam kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan menerima rawatan yang diberikan oleh pihak sekolah, namun kumpulan rawatan diberikan 8 sesi bimbingan kelompok berdasarkan modul berpandukan pendekatan pemusatan-insan. Data kuantitatif dikumpul berdasarkan respon pelajar terhadap Soal Selidik Kecerdasan Emosi. Data kajian dianalisis menggunakan ujian-t dengan aras signifikan ditetapkan pada aras .05. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min kecerdasan emosi antara praujian dan posujian bagi kumpulan rawatan. Skor min posujian didapati lebih tinggi dibandingkan dengan skor min praujian bagi kumpulan rawatan. Sebaliknya, kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor min praujian dan posujian yang signifikan bagi kumpulan kawalan. Implikasi kajian adalah bimbingan kelompok ini boleh digunakan berdasarkan modul pendekatan pemusatan-insan boleh membantu meningkatkan tahap kecerdasan emosi pelajar yang terlibat dengan salah laku disiplin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**THE EFFECTS OF GROUP GUIDANCE ON EMOTIONAL INTELLIGENCE AMONG STUDENTS WITH INDISCIPLINARY CASES**

## ABSTRACT

This study was conducted to study the effects of group counseling on emotional intelligence among students indisciplinary cases. The prepost treatment and control group experimental study were used. A number of 45 form four students from a secondary school in Kuala Terengganu, Terengganu was chosen through purposive random samping. Based on Emotional Intelligence Questionnaire data, student were divided into two groups, the treatment group which was consisted of 30 students and 15 students in the control group. The treatment group and the control group received the treatment provided by the school, but the treatment group was given 8 sessions of group guidance based on a humanistic approach module. Quantitative data is collected based on student response to the Emotional Intelligence Questionnaire. The data was analysed using t-test at the significant level of .05. The results showed that there is a significant difference in the mean scores of emotional intelligence between the pretest and posttest of the treatment group. The posttest mean score is higher than the pretest mean score in the treatment group. However, the results showed that there is no significant difference in the pretest and posttest mean score in the control group. The implication of the study is that the group guidance based on a humanistic approach module can be used increase the level of emotional intelligence among students with indisciplinary cases.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# KANDUNGAN


| | | Muka Surat |
|---|---|---|
| **PENGAKUAN** | | ii |
| **PENGHARGAAN** | | iii |
| **ABSTRAK** | | iv |
| **ABSTRACT** | | v |
| **KANDUNGAN** | | vi |
| **SENARAI JADUAL** | | xi |
| **SENARAI RAJAH** | | xv |
| **SENARAI SINGKATAN** | | xvi |
| **SENARAI LAMPIRAN** | | xvii |
| **BAB 1** | **PENGENALAN** | |
| 1.1 | Pendahuluan | 1 |
| 1.2 | Latar Belakang Kajian | 1 |
| 1.3 | Pernyataan Masalah | 6 |
| 1.4 | Tujuan Kajian | 17 |
| 1.5 | Objektif Kajian | 18 |
| 1.6 | Soalan Kajian | 21 |
| 1.7 | Kepentingan Kajian | 25 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


1.8 Definisi Pemboleh ubah 30
1.8.1 Bimbingan Kelompok 30
1.8.2 Kecerdasan Emosi (EQ) 32
1.8.3 Pelajar Salah laku Disiplin 37
1.9 Batasan Kajian 42
1.10 Hipotesis Kajian 43
1.11 Rumusan 46

**BAB 2 TEORITIKAL KAJIAN & INTERVENSI BIMBINGAN KELOMPOK**

2.1 Pengenalan 48
2.2 Pendekatan Teori Yang Mendasari Intervensi Bimbingan Kelompok 48
2.2.1 Teori Kecerdasan Emosi Goleman 49
2.2.2 Pendekatan Pemusatan Insan 52
2.3 Intervensi Bimbingan Kelompok 55
2.4 Kerangka Teori 58
2.5 Rumusan 60

**BAB 3 TINJAUAN LITERATUR**

3.1 Pengenalan 61
3.2 Perkaitan Antara Remaja Salah Laku Disiplin Dengan Kecerdasan Emosi 62
3.3 Kesan Intervensi Bimbingan Kelompok Terhadap Remaja Salah Laku Disiplin 66

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



3.4 Kesan Intervensi Bimbingan Kelompok Terhadap Kecerdasan Emosi 70

3.5 Rumusan 72

**BAB 4 METODOLOGI**

4.1 Pengenalan 73

4.2 Reka Bentuk Kajian 74

4.3 Tempat Kajian 77

4.4 Pemilihan Subjek Kajian 78

4.5 Alat Ujian 81

4.6 Kesahan Dan Kebolehpercayaan Alat Kajian 86

4.7 Kesahan Dan Kebolehpercayaan Modul Kajian 88

4.8 Kajian Rintis 94

4.9 Prosedur Menjalankan Kajian 95

4.10 Penganalisaan Data Statistik 97

4.11 Pengujian Hipotesis 98

4.12 Rangka Rawatan Intervensi 101

4.13 Tahap Perkembangan dalam Proses Kelompok 102

4.14 Matlamat dan Prosedur Kelompok Kawalan 103

4.15 Rumusan 104


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**BAB 5 DAPATAN KAJIAN**


5.1 Pengenalan 105

5.2 Demografi subjek Kajian 106

5.3 Dapatan Analisis Kesan Bimbingan Kelompok Kumpulan Eksperimen Berdasarkan Kepada Hipotesis 107

5.3.1 Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Kecerdasan Emosi Umum 107

5.3.2 Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Kesedaran Kendiri 112

5.3.3 Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Pengawalan Kendiri 117

5.3.4 Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Motivasi Diri 121

5.3.5 Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Empati 126

5.3.6 Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Kemahiran Sosial 130

5.4 Rumusan Dapatan Kajian 135


**BAB 6 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**


6.1 Pengenalan 143

6.2 Sinopsis Kajian 144

6.3 Perbincangan 145

6.3.1 Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Kecerdasan Emosi Umum 146

6.3.2 Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Kesedaran Kendiri 149


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


6.3.3 Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Pengawalan Kendiri 152

6.3.4 Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Motivasi Diri 154

6.3.5 Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Empati 156

6.3.6 Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Kemahiran Sosial 159

6.4 Implikasi 162

6.4.1 Implikasi Terhadap Bidang Keilmuan Bimbingan Dan Kaunseling 162

6.4.2 Implikasi Terhadap Pihak Sekolah dan Unit Bimbingan Dan Kaunseling Sekolah 163

6.4.3 Implikasi Teoritikal 164

6.4.4 Implikasi Terhadap Ibu Bapa Dan Masyarakat 164

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.5 Masalah Dalam Menjalankan Kajian 165

6.6 Saranan dan Cadangan Penyelidikan Pada Masa Akan Datang 167

6.7 Rumusan dan Penutup 170

**RUJUKAN** 172

**LAMPIRAN**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# SENARAI JADUAL


| No.Jadual | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1.1 | Bilangan Salah Laku Disiplin Pelajar (2010-2012) | 7 |
| 1.2 | Bilangan Salah Laku Disiplin Pelajar Negeri Terengganu (2013 Dan 2014) | 8 |
| 1.3 | *Bilangan Salah  Laku Disiplin Pelajar Mengikut Daerah Di Terengganu (2013 Dan 2014 )* | 10 |
| 1.4 | Kategori Dan Jenis Salah Laku Dalam Sistem Salah Laku Disiplin Murid | 39 |
| 4.1 | Reka Bentuk Pra- Pos Ujian Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan | 76 |
| 4.2 | Taburan Subjek Mengikut Kelompok | 79 |
| 4.3 | Taburan Item Soal Selidik Kecerdasan Emosi | 81 |
| 4.4 | Item Kesedaran Kendiri | 82 |
| 4.5 | Item Pengawalan kendiri | 82 |
| 4.6 | Item Motivasi Diri | 83 |
| 4.7 | Item Empati | 84 |
| 4.8 | Item Kemahiran Sosial | 84 |
| 4.9 | Pemarkatan Soal Selidik Kecerdasan Emosi | 85 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




| | | |
|---|---|---|
| 4.10 | Tahap Kecerdasan Emosi Berdasarkan Skor | 86 |
| 4.11 | Soal Selidik Kesahan Kandungan Modul | 90 |
| 4.12 | Pandangan Pakar Terhadap Kesahan Kandungan Modul | 92 |
| 4.13 | Nilai Kebolehpercayaan Modul | 94 |
| 4.14 | Pemilihan Alat Statistik Yang Sesuai Berdasarkan Skala Pengukuran Mengikut Tuckman (1978) | 99 |
| 5.1 | Data Demografi Subjek Kajian | 106 |
| 5.2 | Ujian-t Melihat Perbezaan Kecerdasan Emosi Umum Dalam Ukuran Praujian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan | 108 |
| 5.3 | Ujian-t Melihat Perbezaan Kecerdasan Emosi Umum Dalam Ukuran Praujian Dan Posujian Antara Kumpulan Rawatan | 109 |
| 5.4 | Ujian-T Melihat Perbezaan Kecerdasan Emosi Umum Dalam Ukuran Praujian Dan Posujian Antara Kumpulan Kawalan | 110 |
| 5.5 | Ujian-t Melihat Perbezaan Kecerdasan Emosi Umum Dalam Ukuran Posujian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan | 111 |
| 5.6 | Ujian-t Melihat Perbezaan Kesedaran Kendiri Dalam Ukuran Praujian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan | 113 |
| 5.7 | Ujian-t Melihat Perbezaan Kesedaran Kendiri Dalam Ukuran Praujian Dan Posujian Antara Kumpulan Rawatan | 114 |
| 5.8 | Ujian-t Melihat Perbezaan Kesedaran Kendiri Dalam Ukuran Praujian Dan Posujian Antara Kumpulan Kawalan | 115 |
| 5.9 | Ujian-t Melihat Perbezaan Kesedaran Kendiri Dalam Ukuran Posujian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan | 116 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



| | | |
|---|---|---|
| 5.10 | Ujian-t Melihat Perbezaan Pengawalan Kendiri Dalam Ukuran Praujian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan | 117 |
| 5.11 | Ujian-t Melihat Perbezaan Pengawalan Kendiri Dalam Ukuran Praujian Dan Posujian Antara Kumpulan Rawatan | 118 |
| 5.12 | Ujian-t Melihat Perbezaan Pengawalan Kendiri Dalam Ukuran Praujian Dan Posujian Antara Kumpulan Kawalan | 119 |
| 5.13 | Ujian-t Melihat Perbezaan Pengawalan Kendiri Dalam Ukuran Posujian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan | 120 |
| 5.14 | Ujian-t Melihat Perbezaan Motivasi Diri Dalam Ukuran Praujian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan | 122 |
| 5.15 | Ujian-t Melihat Perbezaan Motivasi Diri Dalam Ukuran Praujian Dan Posujian Antara Kumpulan Rawatan | 123 |
| 5.16 | Ujian-t Melihat Perbezaan Motivasi Diri Dalam Ukuran Praujian Dan Posujian Antara Kumpulan Kawalan | 124 |
| 5.17 | Ujian-t Melihat Perbezaan Motivasi Diri Dalam Ukuran Posujian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan | 125 |
| 5.18 | Ujian-t Melihat Perbezaan Empati Dalam Ukuran Praujian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan | 126 |
| 5.19 | Ujian-t Melihat Perbezaan Empati Dalam Ukuran Praujian Dan Posujian Antara Kumpulan Rawatan | 127 |
| 5.20 | Ujian-t Melihat Perbezaan Empati Dalam Ukuran Pra Ujian Dan Posujian Kumpulan Kawalan | 128 |
| 5.21 | Ujian-t Melihat Perbezaan Empati Dalam Ukuran Posujian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan | 129 |
| 5.22 | Ujian-t Melihat Perbezaan Kemahiran Sosial Dalam Ukuran Praujian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan | 131 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



| | | |
|---|---|---|
| 5.23 | Ujian-t Melihat Perbezaan Kemahiran Sosial Dalam Ukuran Praujian Dan Posujian Antara Kumpulan Rawatan | 132 |
| 5.24 | Ujian-t Melihat Perbezaan Kemahiran Sosial Dalam Ukuran Pra Ujian Dan Posujian Kumpulan Kawalan | 133 |
| 5.25 | Ujian-t Melihat Perbezaan Kemahiran Sosial Dalam Ukuran Posujian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan | 134 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# SENARAI RAJAH


| No.Rajah | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1.1 | Model Kecerdasan Emosi Goleman (1999) | 34 |
| 2.2 | Gabungan Model Kecerdasan Emosi Goleman dan Pendekatan Pemusatan Insan Melihat Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Kecerdasan Emosi Pelajar Salah Laku Disiplin | 58 |
| 4.1 | Carta Aliran Persampelan Subjek Eksperimen, Tatacara Rawatan & Pengumpulan Data Subjek Kajian | 80 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| BK | Bimbingan Kelompok |
| EQ | *Emotional Quotient* |
| FPN | Falsafah Pendidikan Negara |
| IQ | *Intellegence Quotient* |
| JPN | Jabatan Pendidikan Negeri |
| KPM | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| PPD | Pejabat Pendidikan Daerah |
| SSDM | Sistem Salah laku Disiplin Murid |
| SSKE | Soal Selidik Kecerdasan Emosi |
| SPSS | *Statistical Package For Social Science* |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# SENARAI LAMPIRAN

L.1 Analisis Data Bagi Hipotesis Kajian

L.2 Modul Bimbingan Kelompok

L.3 *Penilaian Kesahan Modul Bimbingan Kelompok Lima Orang Pakar*

L.4 Soal Selidik Kecerdasan Emosi

L.5 *Surat Kebenaran Untuk Menjalankan Penyelidikan Dari Kementerian Pendidikan Malaysia*

L.6 Surat Kebenaran Untuk Menjalankan Penyelidikan Dari Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

l.7 Surat Status Pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 1

# PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.1 Pendahuluan

Bab ini meliputi latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, tujuan kajian, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, definisi pemboleh ubah, batasan kajian, dan hipotesis kajian.

## 1.2 Latar belakang Kajian

Menurut Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020 (dalam Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2015) pendidikan memainkan peranan penting dalam usaha

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menjadikan sesebuah negara memiliki modal insan yang berpengetahuan, berilmu, beretika dan berakhlak untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara menjelang tahun 2020. Untuk mencapai hasrat atau misi pendidikan, sekolah merupakan agen yang mempunyai tanggungjawab dalam melahirkan modal insan berhemah dan berdisiplin.

Harapan untuk melahirkan modal insan berhemah dan berdisiplin semakin sukar kerana kes salah laku yang dilakukan oleh pelajar semakin meningkat. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2010), antara salah laku yang dilakukan oleh pelajar adalah tingkah laku jenayah, tindakan lucah, kekemasan diri, tingkah laku tidak mementingkan masa, tingkah laku kurang sopan dan biadap, tingkah laku musnah, tingkah laku tidak jujur atau buli dan ponteng.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Aliza (2008), pelajar sendiri yang menyebabkannya terlibat masalah sosial sebagai perlakuan emosi iaitu perasaan lebih berpengaruh daripada fikiran. Pelbagai fenomena ganjil menghujani mental dan fizikal mereka dan golongan remaja yang menghadapi tekanan ini pasti melakukan tindakan-tindakan di luar kawalan. Antara yang sering diperkatakan ialah terdapat pelanggaran peraturan di sekolah sewaktu belajar yang dilakukan oleh pelajar-pelajar yang mempunyai masalah emosi. Pelajar-pelajar ini dipanggil '*neurotic*' atau '*psychotic*' iaitu pengalaman emosional yang sangat menyakitkan atau mendalam seperti mudah tersinggung atau marah, kesedihan mendalam, kebingungan, berfikiran negatif, suka menyendiri, mudah bersangka buruk dan lain-lain (Despect, 1965 dalam Azizi & Rohaya, 2010).

Menurut Nur Farahzawanah (2008), kegagalan mengurus emosi akan menyebabkan pelajar menghadapi satu keadaan yang dikenali sebagai "*arrested*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*emotional development''*. Situasi ini menyebabkan pelajar gagal mencapai tahap kematangan moral yang maksimum bagi menahannya melakukan sesuatu yang bertentangan dari segi budaya negara. Kegagalan dalam menyesuaikan dan mengimbangi diri dengan sebarang perubahan yang dialami menyebabkan berlaku ketegangan dan tekanan emosi dalam diri pelajar yang boleh membawa kepada pelbagai masalah dan konflik.

Menurut Mohammad Aziz Shah dan Nazariah (2012), pelajar bermasalah disebabkan gangguan emosi apabila individu itu terlalu memikirkan masalah atau peristiwa yang tidak dapat dilupakan, kurang kasih sayang dan perhatian menyebabkan konflik dalam diri pelajar, pelajar tidak ceria dan mengalami kemurungan. Ini kerana kehendak diri pelajar tidak dapat dipenuhi atau dicapai, dan terlalu memendam perasaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Ahmad Rosly (2007), antara faktor yang banyak mempengaruhi gejala salah laku disiplin ini adalah ketidakseimbangan dari segi emosi dan rohani di kalangan kanak-kanak dan remaja. Desakan dan dorongan emosi mempengaruhi hampir keseluruhan aspek pemikiran dan tingkah laku manusia terutama di kalangan kanak- kanak dan remaja. Emosi pelajar yang tidak stabil dan mantap disebabkan oleh kehendak nafsu syahwat dan syaitan dan kelalaian tuannya. Jika pengaruh jiwa ini tidak ditangani, keseluruhan sistem emosi pelajar lebih menjurus kepada perbuatan yang bertentangan dengan agama Islam (Harun Arrasyid, 2006).

Akibat salah laku disiplin, pelajar bukan sahaja ketinggalan dalam pelajaran, malah lebih teruk lagi terlibat dalam gejala negatif seperti penyalahgunaan dadah,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


vandalisme, gangsterisme, mengambil minuman keras, seks bebas, perjudian dan melepak. Faktor-faktor yang menyebabkan keadaan seperti ini berlaku adalah disebabkan oleh keadaan pelajar yang terdedah kepada pelbagai pengaruh baru, ketidakfungsian ibu bapa, kurang atau tiada ajaran agama dan nilai hidup serta tahap kecerdasan emosi yang rendah (Chan & Rodziah, 2012).

Memandangkan kes salah laku pelajar adalah isu penting untuk ditangani, terdapat banyak kajian lepas berkaitan salah laku dalam kalangan pelajar secara tinjauan telah dijalankan bagi membantu menyelesaikan isu tersebut. Kajian-kajian lepas turut mengemukakan pelbagai kaedah dan strategi yang digunakan untuk membendung masalah salah laku disiplin pelajar (Rohaya & Ruhani, 2011; Aslina, 2013) namun kurang yang berfikir kepada aspek kecerdasan emosi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Mohd Azhar (2008), kecerdasan emosi adalah penting untuk menghindari penyakit mental menular dalam kalangan masyarakat pelajar sekolah. Hal ini merupakan antara penyumbang kepada pelbagai masalah sosial dan delinkuen. Oleh itu, dinyatakan bahawa punca berlakunya masalah sosial disebabkan oleh tahap kecerdasan emosi yang rendah dalam diri individu itu. Tahap kecerdasan emosi yang rendah menjadikan diri individu tidak peka terhadap perasaan diri sendiri, perasaan orang lain, tidak peka terhadap persekitaran dan gagal mengawal emosi menyebabkan mereka cenderung melakukan perkara-perkara di luar batasan kemanusiaan.

Hal ini turut ditekankan oleh kebanyakan penyelidik. Antaranya, tahap kecerdasan emosi yang rendah didapati boleh mengakibatkan masalah tekanan, kemurungan, gejala *neurosis* (Dilip, 2002 dalam Abdul Ghani et al, 2009); pencetus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


salah laku pengambilan alkohol dan merokok (Meyer & Cobb, 2000 dalam Abdul Ghani, 2009). Remaja juga didapati kurang meluahkan perasaan kepada orang lain yang boleh menyebabkan seseorang itu mempunyai tahap kecerdasan emosi yang rendah (Abdul Malek, 2013).

Terdapat pelbagai kaedah atau cara untuk membantu pelajar yang bermasalah salah laku disiplin ini. Antaranya adalah bimbingan kelompok sebagai satu proses menolong individu. Proses ini menunjukkan satu usaha yang berterusan dan melibatkan banyak langkah dalam mencapai matlamatnya (Shertzer & Stone, 1971 dalam Azizi, 2008; Aslina, 2013). Namun kajian Anida dan Nur Farahzawanah (2008) pula telah membuktikan aktiviti kelompok bimbingan berkesan meningkatkan kecerdasan emosi dan pencapaian akademik pelajar. Kaunseling kelompok juga didapati berkesan untuk meningkatkan tahap kecerdasan emosi (Lim, 2009; Mohd Amri, 2007; dan Nurnaningsih, 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain daripada kecerdasan emosi, aspek agama turut dipandang sebagai aspek yang penting dalam membantu pelajar yang berhadapan dengan masalah disiplin. Menurut Roslee (2008), pelajar salah laku disiplin mempunyai hati yang kotor, keras dan akhirnya tertutup untuk menerima petunjuk dan hidayah dari Allah SWT. Menyedari hakikat ini, golongan pelajar ini perlu diberi bantuan yang sewajarnya agar salah laku disiplin dapat dikurangkan. Oleh itu, bimbingan kelompok untuk pelajar yang terlibat dalam salah laku disiplin disediakan di dalam kajian ini. Bimbingan kelompok menggunakan pendekatan pemusatan insan disediakan untuk meningkatkan tahap kecerdasan emosi umum, kesedaran kendiri, pengawalan kendiri, motivasikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


diri, empati dan kemahiran sosial melalui pembentukan akhlak, membersihkan hati dengan amalan yang baik dan jati diri dalam kalangan pelajar.

**1.3 Pernyataan Masalah**

Masalah salah laku disiplin pelajar di sekolah-sekolah hari ini telah menjadi berita hangat yang dibincangkan. Ia bukan sahaja melibatkan pihak sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) malah turut melibatkan pihak polis dalam mengambil tindakan terhadap pelajar-pelajar yang terbabit kerana masalah ini bukan sekadar masalah kecil tetapi ada yang melangkaui masalah jenayah. Berdasarkan Utusan Online (2015), Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPM), KPM iaitu Datuk Seri Dr. Khair Mohamad Yusof melaporkan sebanyak 13,359 pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh negara yang terlibat dalam salah laku disiplin berat atau yang berunsur jenayah bagi tempoh Januari hingga Jun tahun 2015 .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.1
*Bilangan Salah Laku disiplin Pelajar (2010-2012)*

| **Jenis Salah laku** | **2010** | **2011** | **2012** |
|---|---|---|---|
| Berunsur jenayah | 17595 | 18457 | 14321 |
| Berunsur kelucahan | 3031 | 2163 | 3778 |
| Kurang sopan | 18346 | 17189 | 15407 |
| Laku musnah | 5212 | 5343 | 3630 |
| Kekemasan diri | 21384 | 20778 | 13926 |
| Ponteng sekolah | 19545 | 18754 | 17343 |
| Kenakalan | 8563 | 8923 | 9926 |
| Tidak pentingkan masa | 17808 | 18611 | 10403 |
| Buli | | | 4159 |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



| | | | |
|---|---|---|---|
| Rokok | | | 14298 |
| JUMLAH | 111484 | 110218 | 107191 |

Jadual 1.1 menunjukkan Unit Disiplin, Kementerian Pendidikan Malaysia (2013), melaporkan dalam masa tiga dari tahun 2010 hingga tahun 2012, pelajar yang melakukan sepuluh jenis kesalahan yang kurang menepati nilai pegangan masyakarat di Malaysia menjangkau 107,191 orang. Antara salah laku yang sering pelajar lakukan adalah ponteng sekolah, kenakalan, membuli, tingkah laku berunsur jenayah, kekemasan diri, tidak mementingkan masa, kurang sopan, laku musnah, berunsur kelucahan, dan merokok.

Menurut laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) lagi, salah laku disiplin yang berlaku penurunan datanya adalah tingkah laku kurang sopan iaitu sebanyak 18 346 kes pada tahun 2010 kepada 15407 kes pada tahun 2012. Bagi salah laku ponteng sekolah iaitu 19 545 kes pada tahun 2010 kepada 17343 kes pada tahun 2012. Salah laku dkenakalan mencetuskan kebimbangan masyarakat apabila terdapat penambahan bilangan pelajar yang terlibat. Bilangan pelajar yang terlibat dalam salah laku kenakalan membabitkan 8563 orang pelajar pada tahun 2010 meningkat kepada 9926 orang pada tahun 2012. Terdapat lima salah laku yang berlaku pengurangan dan peningkatan iaitu salah laku berunsur jenayah, salah laku musnah, tidak mementingkan masa, berunsur lucah dan kekemasan diri.

Masalah salah laku disiplin di sekolah di Malaysia amnya dan khasnya di negeri Terengganu melibatkan pelajar sekolah menengah di negeri Terengganu. Dapat dilihat berdasarkan Jadual 1.2 di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 1.2
*Bilangan Salah laku Disiplin Pelajar Negeri Terengganu (2013 dan 2014)*

| **Jenis Salah Laku** | **2013** | **2014** |
|---|---|---|
| Merokok | 739 | 617 |
| Kekemasan Diri | 430 | 591 |
| Ponteng | 603 | 417 |
| Tingkah laku Jenayah | 462 | 410 |
| Kurang Sopan | 362 | 409 |
| Tidak Pentingkan Masa | 354 | 270 |
| Nakal | 285 | 217 |
| Buli | 101 | 147 |
| Dadah | 6 | 13 |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.2 menunjukkan Unit Disiplin, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (2013), telah melaporkan dalam menunjukkan dalam tempoh dua tahun, iaitu dari tahun 2013 hingga tahun 2014, terdapat dua belas jenis salah laku yang kurang menepati nilai pegangan masyakarat di negara ini amnya dan di negeri Terengganu khususnya pelajar. Antara salah laku pelajara adalah tingkah laku berunsur jenayah, kekemasan diri, tidak mementingkan masa, kurang sopan, laku musnah, ponteng sekolah, merokok, buli, dadah, vandalisme berunsur lucah, dan kenakalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Berdasarkan rekod Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT), kes salah laku pelajar pada tahun 2013 sebanyak 3726 orang dan pada tahun 2014 sebanyak 3379 orang. Salah laku disiplin yang mencetuskan kebimbangan apabila terdapat penambahan bilangan pelajar terlibat dalam salah laku kekemasan diri, salah laku kurang sopan, salah laku buli dan salah laku dadah. Bilangan pelajar yang terlibat dalam salah laku kekemasan membabitkan 430 orang pelajar pada tahun 2013 meningkat kepada 591 orang pelajar pada tahun 2014. Bagi kes salah laku kurang sopan membabitkan 362 orang pelajar pada tahun 2013 meningkat kepada 409 orang pelajar pada tahun 2014. Bagi salah laku buli adalah 101 orang pelajar pada tahun 2013 meningkatkan kepada 147 orang pelajar pada tahun 2014. Manakala salah laku dadah membabitkan 6 orang pelajar pada tahun 2013 meningkat kepada 13 orang pelajar pada tahun 2014.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masalah salah laku disiplin di sekolah sekarang semakin menjadi-jadi yang melibatkan pelajar sekolah menengah di terutamanya di Terengganu iaitu di dalam sekolah dan juga di luar kawasan sekolah. Menurut pernyataan lisan oleh Encik Mohd Yusof, Pegawai Unit Disiplin Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, masalah disiplin dalam kalangan pelajar jauh lebih rendah berbanding negari lain, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu tetap menganggap salah laku disiplin isu yang membimbangkan dan perlu ditangani secara serius. Menurut Maizatul Akmam (2007), masalah salah laku merupakan masalah utama yang dihadapi oleh sekolah di dan perlu ditangani oleh ibu bapa, masyarakat dan pihak kerajaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi